

30 AUG 2001

LAWATAN KUAN YEW TINGKAT HUBUNGAN S'PURA-KL

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Malaysia percaya bahawa lawatan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew selama empat hari ke negara ini bermula Ahad akan mempertingkatkan lagi hubungan antara kedua-dua negara jiran itu dan rakyat.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, Lee akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri lain.

Mereka dijangka berbincang dan bertukar-tukar pandangan ke arah meningkatkan hubungan dua hala serta membincangan pembangunan politik-ekonomi di rantau ini, menurut kenyataan itu.

Lee akan diiringi oleh Menteri Dalam Negara Singapura Wong Kan Seng; Menteri Pendidikan Laksamana Madya Teo Chee Hean; Pemangku Menteri Alam Sekitar Lim Swee Say; dan Setiausaha Kanan Parlimen bagi Komunikasi dan Teknologi Maklumat Dr Yaacob Ibrahim.

"Lawatan itu dilihat dalam konteks memperkukuh dan mengeratkan hubungan antara pemimpin generasi muda dan masa depan kedua-dua negara," menurut kenyataan Wisma Putra.

Aturcara berasingan telah diatur bagi menteri Singapura dan setiausaha kanan parlimen bagi menemui rakan sejawatan mereka dari Malaysia serta anggota parlimen dan tokoh korporat.

-- BERNAMA
MAM AHH FAZ